

Headline	Mahkamah Syariah perlu tegas kendali kes berkaitan nafkah Penganalisis		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	12 Mar 2015	Language	Malay
Circulation	22,425	Readership	134,550
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	9	ArticleSize	89 cm ²
AdValue	RM 178	PR Value	RM 534



Mahkamah Syariah perlu tegas kendali kes berkaitan nafkah: Penganalisis

KUALA LUMPUR: Mahkamah Syariah perlu bertindak lebih tegas dan adil dalam mengendalikan kes-kes berkaitan tuntutan nafkah, khususnya melibatkan wanita yang telah bercerai dan mempunyai anak, demikian menurut seorang penganalisis.

Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed berkata antara kelemahan sistem Mahkamah Syariah pada hari ini ialah kes bekas suami enggan membayar nafkah kepada bekas isteri dan anak-anak pada waktu dan kadar yang ditetapkan.

Katanya mahkamah seharusnya boleh mengeluarkan arahan tindakan lanjut kepada pihak majikan bekas suami untuk melakukan pemotongan gaji bagi tujuan nafkah anak.

“Apakah tindakan Mahkamah Syariah sekiranya bekas suami gagal membayar nafkah pada kadar sepatutnya atau tidak membayar secara konsisten? Mengapa tiada kerjasama dan penyelarasan antara mahkamah syariah dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan majikan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam perkara ini? - Bernama